



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**AMALAN PSIKOLINGUISTIK DALAM PEMAHAMAN  
BAHAN BACAAN ASAS BAHASA MELAYU  
DALAM KALANGAN PELAJAR MUDA**

**MUHAMMAD SAIFUL HAQ BIN HUSSIN**

**FBMK 2006 17**

**AMALAN PSIKOLINGUISTIK DALAM PEMAHAMAN  
BAHAN BACAAN ASAS BAHASA MELAYU  
DALAM KALANGAN PELAJAR MUDA**

**MUHAMMAD SAIFUL HAQ BIN HUSSIN**

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2006**



**AMALAN PSIKOLINGUISTIK DALAM PEMAHAMAN  
BAHAN BACAAN ASAS BAHASA MELAYU  
DALAM KALANGAN PELAJAR MUDA**

**Oleh**

**MUHAMMAD SAIFUL HAQ BIN HUSSIN**

**Tesis Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Oktober 2006**



## **DEDIKASI**

Ayahanda :

Kau pergi menyahut panggilan Illahi kerana telah tiba masanya, hanya doa restu kupohonkan agar rohmu ditempatkan bersama-sama roh mereka yang beriman.  
Amin.

Bonda :

Kasih sayangmu yang tak pernah luntur, pengorbanan dan pembelaan daripada mu tetap kupohonkan hingga akhir hayat, semoga irangan doa dan restumu sentiasa menjadi azimat dalam aku mengejar cita-citaku yang sentiasa menggapai awan. Terima kasih kerana mengajarku tentang tulis baca.

Insan Tercinta :

Isteriku Norma bt. Yaakub serta Anak-anakku  
Muhd. Syafiq  
Muhammad Zakiran  
Muhammad Hamidi  
Muhammad Hamdan  
Muhammad Luqman

Terima kasih kerana memahami erti pengorbanan, doa restu kalian sentiasa membakar semangat juangku untuk terus berusaha mencapai cita-cita dan bersemadi bersama cintamu

Sahabat :

Semoga ikatan kasih sayang antara kita akan berterusan hingga akhir hayat.

Kenalan :

Doa dan harapan disusuli pertolongan dan bantuan dalam segala hal, hanya Allah SWT yang akan membala segala budi dan jasa yang telah diberikan.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah.

**AMALAN PSIKOLINGUISTIK DALAM PEMAHAMAN  
BAHAN BACAAN ASAS BAHASA MELAYU  
DALAM KALANGAN PELAJAR MUDA**

Oleh

**MUHAMMAD SAIFUL HAQ BIN HUSSIN**

**Oktober 2006**

**Pengerusi : Profesor Madya Noor Aina Dani, PhD**

**Fakulti : Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi**

Penyelidikan ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti amalan psikolinguistik yang diterapkan oleh guru semasa mengajar dan dapat pula dihayati oleh murid Tahun 1. Amalan psikolinguistik tersebut membolehkan murid Tahun 1 memahami dan menguasai bahan bacaan asas dalam bahasa Melayu dengan lebih baik. Penyelidikan jenis eksperimen uji dan uji semula ditadbir ke atas sejumlah 50 murid Tahun 1 di SK Morak, dalam daerah Tumpat, Kelantan. Dapatan penyelidikan diperoleh daripada proses pengujian sebanyak dua kali berdasarkan item yang terkandung dalam modul Asas Membaca. Tajuk ini dipersetujui dalam mesyuarat senat.

Selain menggunakan penyelidikan jenis eksperimen, penyelidik turut menggunakan kaedah pemerhatian terkawal ke atas semua subjek kajian. Tinjauan berdasarkan soal selidik dilakukan terhadap guru dan subjek kajian



yang terlibat, manakala temu duga tidak berstruktur dijalankan terhadap ibu bapa dan penjaga murid. Data yang diperoleh melalui rekod pencapaian murid dianalisis dan dirumuskan.

Keputusan kajian ke atas subjek menunjukkan bahawa subjek boleh menguasai bacaan asas dengan baik dan berkesan sesudah guru menerapkan amalan psikolinguistik dalam pengajarannya. Peningkatan penguasaan bacaan asas berlaku kerana mereka didedahkan dengan kepelbagaian kaedah, teknik dan strategi pengajaran dan pemelajaran yang bersistematik selaras dengan amalan psikolinguistik. Item yang dibina untuk menguji subjek kajian juga mestilah bersesuaian dengan tahap umur dan kebolehan serta kecerdasan mereka.

Daripada dapatan kajian boleh dirumuskan bahawa aplikasi amalan psikolinguistik mempunyai pengaruh yang sangat signifikan ke atas pemahaman dan penguasaan kemahiran asas bacaan dalam bahasa Melayu. Implikasi daripada kajian menunjukkan bahawa amalan psikolinguistik perlu dikembangkan daripada peringkat asas. Ini juga merupakan salah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh guru. Guru juga mestilah mengakui manfaatnya untuk menyediakan kemahiran asas bacaan dalam kalangan murid.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy.

**PSYCHOLINGUISTICS PRACTICES IN UNDERSTANDING  
THE BASIC BAHASA MELAYU READING MATERIALS  
AMONGST YOUNG LEARNERS**

By

**MUHAMMAD SAIFUL HAQ BIN HUSSIN**

**October 2006**

**Chairman : Associate Professor Noor Aina Dani, PhD**

**Faculty : Modern Language and Communication**

The research seeks to identify and examine the psycholinguistics practices that has been instilled and inculcate by the teacher in their teaching methods and could be acquired effectively by the Year 1 pupils. The psycholinguistics experiences enable the Year 1 pupils to understand and acquire the basic Malay (Bahasa Melayu) resource materials better. This experimental research based on test and retest were administered on 50 Year 1 pupils of SK Morak in the district of Tumpat, Kelantan. The research findings were obtained from two consecutive tests based on the items contained in the Malay Basic Reading Module. This topic was approved by the senate meeting.

Apart from using the quantitative experimental research, the researcher also used qualitative controlled observational method on all the subjects studied. Survey based on a set of questionnaires were carried on the teachers involved and the subjects studied. Unstructural interviews protocol, were also conducted



on the parents and guardians. The data obtained through the achievement records were analysed and studied.

The findings on the subjects showed that the subjects enable to acquire the basic reading skills better and more effective after instilling the psycholinguistics practices in the teaching and learning methods. The improvement in acquisition of basic reading skills was due to the exposition to various psycholinguistics teaching materials, techniques, learning strategies and a systematic teaching and learning approach based on psycholinguistics practices. Suitable level based items were constructed to test the subjects.

From the research, we can deduce that the application of psycholinguistics has a very significance influence on the understanding and acquisition of the basic reading skills in bahasa Melayu. The implication from the research is that the application of psycholinguistics need to be developed from young and this is one of the challenges that teachers will have to confront and aknowledge especially to prepare pupils in the acquisition of the basic reading skills.



## **PENGHARGAAN**

Penyelidik memanjatkan rasa penuh kesyukuran kehadrat Illahi kerana dengan taufik dan hidayat-Nya maka dapat juga penyelidik menyiapkan disertasi ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga penyelidik rakamkan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) yang telah memberi ruang dan tempat untuk penyelidik meneruskan pengajian pada peringkat PhD.

Penyelidik turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Noor Aina Dani, Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM (selaku Pengurus), Dr. Vijayaletchumy a/p Subramanian dan Dr. Zaitul Azma bt. Zainon Hamzah (selaku ahli jawatankuasa) kerana tunjuk ajar, teguran dan bimbingan mereka terhadap kerja menyiapkan disertasi ini dari awal hingga akhir.

Selanjutnya, ucapan terima kasih penyelidik tujukan kepada semua pihak yang telah membantu prosedur penyelidikan ini, terutama Guru besar SK Kok Keli dan SK Morak, Palekbang, Tumpat, Kelantan.

Pelajar Tahun 1 bagi Tahun 2002 dan 2003 di sekolah berkenaan kerana memberi kerjasama yang sangat tinggi nilainya, juga kepada mereka yang namanya tidak sempat penyelidik nyatakan di sini satu demi satu.

Wassalam.

**“BERILMU BERBAKTI”**



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan Tesis bagi Muhammad Saiful Haq bin Hussin telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 12hb. Oktober 2006 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk "Amalan Psikolinguistik dalam Pemahaman Bahan Bacaan Asas Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Muda" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Peperiksaan Tesis memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Ahmad Mahmood Musanif, PhD**

Prof. Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Che Ibrahim Hj. Salleh, PhD**

Prof. Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Abdul Rashid Daeng Melebek, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Hashim Hj. Musa, Ph.D**

Profesor  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
(Pemeriksa Luar)

---

**HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD**

Profesor/Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 21 DISEMBER 2006



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Noor Aina bt. Dani, PhD**

Profesor Madya

Pensyarah

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**

Pensyarah

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**Vijayaletchumy a/p Subramaniam, Ph.D.**

Pensyarah

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**AINI IDERIS, PhD**

Profesor/Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## **PERAKUAN**

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis ini. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

---

**MUHAMMAD SAIFUL HAQ BIN HUSSIN**

Tarikh : 15 DISEMBER 2006



## JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>DEDIKASI</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vii
<b>PENGESAHAN</b>	viii
<b>PERAKUAN</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
 <b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
Latar Belakang Kajian	1
Amalan Psikolinguistik dalam Memahami	
Bahan Bacaan Asas dari Sudut Psikolinguistik	1
Pendekatan dari Perspektif Psikolinguistik	6
Kaedah Pengajaran dari Perspektif	
Psikolinguistik	12
Teknik Pengajaran dari Perspektif	
Psikolinguistik	18
Latar Belakang Sekolah	19
Latar Belakang Guru	20
Latar Belakang Pelajar	22
Keadaan dan suasana kelas	25
Penyataan Masalah	27
Kepentingan Kajian	31
Objektif Kajian	32
Skop Kajian	33
Definisi Operasional	36
Amalan Psikolinguistik	36
Bacaan	37
Bacaan Mekanis	41
Bacaan Mentalis	42
Bahan Bacaan Asas Bahasa Melayu	44
<b>II SOROTAN LITERATUR</b>	<b>45</b>
Kajian dalam Bidang Bacaan	45
Kajian tentang Kemahiran Asas Bacaan	
Bahasa Melayu	49



Kajian tentang Psikolinguistik dalam Proses Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa Melayu	60
Kajian Tentang Teori	88
Teori Behaviourisme Bertujuan	88
Teori Mentalis	91
<b>III METODOLOGI</b>	<b>106</b>
Reka Bentuk Kajian	106
Kerangka Teori	106
Kerangka Konsepsi	111
Tempat Kajian	116
Populasi dan Persampelan	117
Subjek Kajian	119
Kaedah Kajian	120
Pendekatan Kajian	124
Pemboleh ubah Kajian	125
Alat Kajian	127
Soal selidik	127
Modul Asas Membaca	127
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	134
Soal Selidik	134
Modul Asas Membaca	134
Proses P & P Berdasarkan Modul	135
Prinsip-prinsip Asas Membaca	135
Pengendalian Kaedah Asas Membaca	137
Tatacara Kajian	175
Kajian Sebenar	175
Penganalisisan Data	177
Rasional Penganalisisan Data	180
<b>IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>183</b>
Persembahan Dapatan	183
Ujian kali yang pertama	186
Peringkat prabacaan	186
Pelajaran 1 hingga Pelajaran 25	199
Pelajaran 1 hingga Pelajaran 5	200
Pelajaran 6 hingga Pelajaran 10	203
Pelajaran 11 hingga Pelajaran 15	207
Pelajaran 16 hingga Pelajaran 20	212
Pelajaran 21 hingga Pelajaran 25	217
Rumusan	220
Ujian kali yang kedua	221
Peringkat prabacaan	224
Pelajaran 1 hingga Pelajaran 25	230

Pelajaran 1 hingga Pelajaran 5	231
Pelajaran 6 hingga Pelajaran 10	235
Pelajaran 11 hingga Pelajaran 15	238
Pelajaran 16 hingga Pelajaran 20	243
Pelajaran 21 hingga Pelajaran 25	247
Rumusan	251
Kesimpulan	254
Hasil-hasil Perkiraan Korelasi Pearson	255
Analisis Korelasi Pearson	259
Hubungan Amalan Psikolinguistik dengan Penguasaan Bacaan Asas Bahasa Melayu Murid	275
Ujian Bacaan	276
Rasional Teori dengan Dapatan Penyelidikan	277
Teori Behaviourisme Bertujuan	277
Teori Mentalis	282
Implikasi Dapatan Penyelidikan	286
Implikasi Dapatan Penyelidikan berdasarkan Teori Behaviorisme Bertujuan	286
Implikasi Dapatan Penyelidikan berdasarkan Teori Mentalis	287
Implikasi Dapatan Penyelidikan berdasarkan Teori Perolehan Bahasa	288
Implikasi Dapatan Penyelidikan berdasarkan Modul Asas Membaca	289
Implikasi Dapatan Penyelidikan berdasarkan Amalan Psikolinguistik	290
Implikasi Dapatan Penyelidikan berdasarkan Kaedah Pemerhatian	291
<b>V RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	292
Rumusan	292
Hasil-hasil Perkiraan	292
Amalan Psikolinguistik dalam Menguasai Bahan Bacaan Asas	296
Cadangan Memperbaiki Kelemahan untuk Menguasai Asas Bacaan Dalam Bahasa Melayu pada Peringkat Tahun 1	299
Cadangan Penyelidikan Selanjutnya	306
<b>GLOSORI</b>	311
<b>BIBLIOGRAFI</b>	313
<b>LAMPIRAN</b>	324
<b>BIODATA PENULIS</b>	604

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1 Pengalaman Mengajar Guru-guru Bahasa Melayu Tahun 1 (2003) di SK Morak	20
2 Maklumat Murid dan Kelas Tahun 1 Hingga Tahun 6 (2003) Mengikut Bangsa di SK Morak	22
3 Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun (Tahun 1) Bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu	23
4 Bilangan Kelas Berdasarkan Unjuran 2003	25
5 Proses Penerbitan Ayat	95
6 Beberapa Pertuturan Dua-Tiga Kata dan Tujuannya	102
7 Tafsiran Nilai Pekali mengikut Guilford (1989)	182
8 Profil Subjek Kajian	184
9 Nilai Kritikal Korelasi Pekali Pearson	256
10 Keputusan Korelasi Pearson di SK Morak	276

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Proses membaca menurut psikolinguistik kognitif	2
2	Definisi dan proses membaca menurut pandangan psikolinguistik kognitif	5
3	Kesinambungan Dua Hala Sistem Pendidikan Moden	60
4	Proses Pemahaman	75
5	Kerangka Teori Kajian Berdasarkan Teori Behaviourisme Bertujuan	110
6	Kerangka Konsepsi Kajian berdasarkan Teori Behaviourisme Bertujuan	112

## **SENARAI SINGKATAN / LAMBANG**

BC	-	Bahasa Cina
BM	-	Bahasa Melayu
BBM	-	Bahan Bantu Mengajar
B1	-	Bahasa Pertama
B2	-	Bahasa Kedua
FPN	-	Falsafah Pendidikan Negara
Kg.	-	kampung
KBSR	-	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KLSR	-	Kurikulum Lama Sekolah Rendah
KPPK	-	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
KV	-	Konsonan + Vokal
KV + KV	-	Konsonan-Vokal + Konsonan-Vokal
KV + KV/K	-	Konsonan-Vokal + Konsonan-Vokal-Konsonan
KVK + KV	-	Konsonan-Vokal-Konsonan + Konsonan-Vokal
KVK + KV/K	-	Konsonan-Vokal-Konsonan + Konsonan-Vokal-Konsonan
KVK + KVKK	-	Konsonan-Vokal-Konsonan + Konsonan-Vokal-Konsonan-Konsonan
LAD	-	<i>Language Acquisition Device</i>
LCD	-	<i>Liquid Crystal Display</i>
PMR	-	Penilaian Sekolah Rendah
P & P	-	Pengajaran dan Pemelajaran



PSR/PM	-	Pengajian Sekolah Rendah/Pengajian Melayu
PPK	-	Pusat Perkembangan Kurikulum
SR	-	Sekolah Rendah
SK	-	Sekolah Kebangsaan
SM	-	Sekolah Menengah
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SRJK	-	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan
<i>S – R</i>	-	<i>Stimulus – Respon</i> (Rangsangan – Gerakbalas)
<i>S – O – R</i>	-	<i>Stimulus – Organisme – Respon</i> (Rangsangan – Organisme – Gerak balas)



## BAB I


### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

##### **Amalan Psikolinguistik dalam Memahami Bahan Bacaan Asas dari Sudut Psikolinguistik**

Aspek pemerolehan bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pemelajaran (P & P) bahasa. Oleh sebab itu penguasaan pelajar dalam kemahiran berbahasa pada peringkat asas perlu diberikan perhatian dan penekanan agar pelajar dapat menjadikan bahasa sebagai alat yang berupaya menyampaikan maklumat dengan berkesan. Dalam hal ini proses P & P pada peringkat asas menjadi dasar untuk membina dan mengukuhkan sistem persekolahan yang seterusnya.

Menurut psikolinguistik kognitif “Membaca akan bermula dengan makna dan berakhir dengan makna pula.” (Mangantar Simanjuntak 1988: 160). Ini menunjukkan bahawa makna itu pula bergantung kepada dan ditentukan oleh pengetahuan dunia pembaca yang diperolehnya sejak dilahirkan lagi. Ini juga bermakna seseorang yang baik dan berkesan akan selalu mengarahkan pengetahuan dunianya untuk memberi makna kepada lambang tulisan yang dibacanya, seterusnya untuk mendapatkan erti daripada lambang tulisan itu. Oleh itu, proses membaca menurut pandangan psikolinguistik kognitif merupakan, “satu proses dua hala”, iaitu saling bertimbali balas dari lambang ke otak dan dari otak ke lambang tulisan. Lihat rajah 1 seterusnya.



*Sumber: Dipadankan daripada Mangantar Simanjuntak (1988: 161)*

**Rajah 1 : Proses membaca menurut psikolinguistik kognitif:** merupakan satu proses dua hala; hala 1 memberi tanda saran (cue); hala 2 menggerakkan otak mendapatkan erti daripada lambang tulisan.

Hala yang pertama (dari lambang ke otak) itu hanyalah merupakan tanda saran (cue) belaka untuk membantu otak melakukan tugasnya, iaitu meramalkan, mentafsirkan secara tentatif, dan kemudian memastikan kata-kata dalam kalimat yang dibaca dengan pertolongan erti yang dikerahkan oleh otak dan yang disokong oleh sintaksis dan konteks kata-kata tersebut. Dengan kata lain untuk menterjemahkan makna ayat. Semakin kecil sedikit tanda saran yang diperlukan semakin lancar proses membaca dapat dilakukan. Pembaca yang lancar dapat membaca lebih kurang 400 patah perkataan dalam 1 minit dan kelancaran inilah yang menjadi objektif kepada pembaca.

Sekiranya pendekatan yang salah diajarkan kepada seseorang murid, mereka hanya akan dapat mencapai kelancaran di antara 150 hingga 200 patah perkataan dalam 1 minit apabila dia dewasa nanti (Mangantar Simanjuntak 1988: 161). Selain itu, minat membaca terhadap bahan bacaan

ke atas murid ini tidak seperti yang diharapkan, kerana minat membaca yang sangat diharapkan itu telah dimatikan oleh pendekatan yang salah tadi secara tidak disedari. Oleh sebab itu, pemilihan pendekatan pengajaran membaca di sekolah rendah (SR) adalah sangat penting, kerana hal ini akan menentukan segala-galanya dalam sistem pendidikan kita pada masa yang akan datang.

Tujuan utama membaca adalah untuk mendapatkan erti atau makna daripada bahan bacaan (teks) dan bukannya untuk membunyikan lambang bertulis dalam teks itu semata-mata. Sebaliknya kemampuan membunyikan lambang bertulis adalah merupakan tujuan tambahan sahaja.

Menurut fahaman psikolinguistik kognitif membaca melibatkan banyak faktor, seperti faktor lambang bertulis, penglihatan, ingatan jangka pendek, bahasa dan tatabahasa, erti, pengetahuan dunia dan lain-lain. Menurut Mangantar Simanjuntak (1988: 161), definisi membaca menurut fahaman tersebut berbunyi begini:

Membaca adalah satu proses psikolinguistik yang berlaku apabila seseorang pembaca membentuk semula di dalam fikirannya (otaknya) erti yang ingin disampaikan seseorang penulis melalui lambang-lambang bertulis yang dibaca oleh pembaca tadi.

Daripada definisi tersebut jelaslah bahawa seseorang pembaca tidak perlu membunyikan lambang bertulis itu terlebih dahulu sama ada secara kuat atau secara dalam hati dan selepas itu mengenal kata-kata yang dibunyikan dan kemudian menarik ertinya. Menurut definisi tersebut, seseorang

pembaca harus dapat segera menarik erti daripada teks dengan pertolongan yang minimum daripada tanda saran yang didapati daripada lambang bertulis dalam teks itu dengan tidak membunyikan kata-katanya satu persatu. Dengan ini juga jelas menunjukkan bahawa seseorang pembaca tidak perlu membunyikan lambang bertulis itu lebih dahulu sama ada secara kuat atau secara di dalam hati dan selepas itu mengenal kata yang dibunyikan dan barulah kemudian menarik ertinya. Proses ini selaras dengan kepentingan organ deria manusia dari perspektif Islam, yang bermaksud, iaitu:


“Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukan”

(Surah Al-Isra' : 36)

Dengan demikian jelaslah bahawa psikolinguistik kognitif telah menolak definisi membaca menurut teori pemelajaran lama (tradisional) yang mengatakan bahawa membaca adalah satu kegiatan mengenal kata-kata dengan cara membunyikannya (dalam hati) dan kemudiannya menarik erti daripada kata tersebut. Definisi ini seolah-olah mementingkan pengenalan kata yang tepat secara satu persatu dengan cara membunyikannya terlebih dahulu sebelum pembaca dapat menarik erti sesuatu kalimat yang dibaca.

Definisi ini telah mengetepikan peranan yang dimainkan oleh pembaca. Pembaca merupakan satu organisme yang pasif yang hanya menunggu kemasukan erti dari luar. Ini merupakan satu proses satu hala yang sangat bercanggah dengan keadaan yang sebenarnya. Proses satu hala ini sangat

ditentang oleh psikolinguistik kognitif kerana tidak mengambil kira peranan yang dimainkan oleh pembaca (Lihat rajah 2).



*Sumber: Dipadankan daripada Mangantar Simanjuntak (1988: 162)*

**Rajah 2: Definisi dan proses membaca menurut pandangan psikolinguistik kognitif**

Untuk menjelaskan kenyataan tersebut, rajah 2 di atas menggambarkan definisi dan proses membaca yang sebenarnya dengan lebih terperinci lagi. Jelaslah di sini bahawa tujuan utama membaca ialah untuk mendapatkan erti yang sebenarnya. Untuk mendapatkan erti yang sebenarnya ini pembaca memerlukan tanda saran daripada huruf atau kalimat bertulis. Tanda saran inilah yang merangsang otak untuk mengarahkan pengalaman dan pengetahuan dunia pembaca untuk meramalkan erti dan seterusnya.

merumuskan erti yang sebenarnya dengan melakukan integrasi dan rekonstruksi.

### **Pendekatan dari Perspektif Psikolinguistik**

Pemerolehan bahasa merupakan teori bahasa yang menjadi anutan oleh psikolinguistik kognitif. Dalam hal ini manusia memiliki, memperoleh, memahami dan menuturkan bahasa kerana manusia secara semulajadinya telah dipersiapkan untuk tujuan tersebut. Oleh itu, bahasa inilah juga yang membezakan manusia daripada binatang, kerana binatang mempunyai otak tapi tidak berakal, manakala manusia mempunyai otak serta akal yang membolehkannya berfikir dan membuat keputusan.

Bahasa yang dimaksudkan merujuk pada bahasa dalaman atau bahasa nurani (*innate language*) yang dimiliki oleh semua insan manusia. Bahasa nurani yang dimiliki oleh semua insan manusia ini adalah sama tanpa mengira sama ada manusia itu daripada suku bangsa atau kaum mana sekalipun. Yang berbeza ialah bahasa luaran semata-mata, seperti bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Melayu dan sebagainya. Bahasa luaran yang bermacam-macam ini (lebih kurang 3000 semuanya di dunia ini) ialah bentuk transkod atau terjemahan daripada bahasa nurani tadi. Dengan demikian jelaslah bahawa semua bahasa di dunia ini sama sahaja pada bentuk dalamannya dan hanya berbeza pada bentuk luarannya. Keadaan ini dijelaskan lagi melalui firman Allah SWT yang bermaksud: